

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**MAJLIS PARLIMEN YANG KELIMA BELAS**  
**MALAYSIA**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**HARI SELASA, 20 DISEMBER 2022, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 2**

---

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R.47/2022)      Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022

DAN

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan ini, menurut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan bahawa suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari Lima Puluh Lima Bilion Sembilan Ratus Lima Puluh Sembilan Juta Dua Ratus Tiga Belas Ribu dan Dua Ratus Ringgit (RM55,959,213,200) dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023 untuk perbelanjaan segera bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam penyata sementara yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 54 Tahun 2022, dan bahawa jumlah wang yang tersebut dalam ruang tiga dan empat penyata itu bersetentangan dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam ruang satu penyata itu adalah diuntukkan bagi perbelanjaan itu sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2023 diluluskan.”

2. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM35,045 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM31,834 juta dan baki wang terimaan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) sebanyak RM3,211 juta bagi tahun 2022 ke Kumpulan Wang Pembangunan."

3. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,200 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) bagi tahun 2022 ke Kumpulan Wang COVID-19."